



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Julai 2024
18 Muharam 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Maritim Malaysia tahan empat nelayan Thailand
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">• Kepulauan Mersing bebas, selamat daripada serangan pteropoda
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			12	24.7.2024

Maritim Malaysia tahan empat nelayan Thailand

GEORGE TOWN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan (VNT) serta empat nelayan warga Thailand di perairan Teluk Kampi, di sini awal pagi semalam, kerana menangkap ikan secara haram.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, VNT kelas C itu ditahan oleh pasukan peronda Maritim Pulau Pinang di kedudukan 11.1 kilometer (km) ke barat Teluk Kampi, kira-kira pukul 5.00 pagi.

"Pada awalnya, bot peronda hanya menjalankan rutin penguatkuasaan sebelum melakukan pemeriksaan terhadap sebuah VNT yang pada ketika itu dilihat berada dalam keadaan

mencurigakan. 44, 0313

"Bot penguatkuasa seterusnya bertindak menghampiri VNT berkenaan dan mendapati berlakunya satu aktiviti perikanan di bawah 27.7 km iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan tidak mengikut syarat sah lesen VNT kelas C," katanya di sini, semalam.

Menurut beliau, pemeriksaan lanjut kemudiannya mendapati, terdapat empat kru warga Thailand berusia dalam lingkungan umur antara 42 hingga 64 tahun sedang bekerja di VNT berkenaan.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 8(b) mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen di mana mereka menangkap ikan di bawah 15.0 batu nautika," katanya.



EMPAT nelayan Thailand ditahan oleh Maritim Malaysia kerana menangkap ikan tidak mengikut syarat sah lesen, semalam.

Kepulauan Mersing bebas, selamat daripada serangan pteropoda



MERSING – Kepulauan sekitar daerah ini terutama Pulau Mertang, Pulau Harimau dan Pulau Besar kini diisytiharkan bebas daripada rebakan organisma berbahaya pteropoda yang boleh menyerang manusia.

Jabatan Perikanan Negeri Johor (JPNJ) memaklumkan rebakan spesies itu dapat dihentikan berikutan perubahan pada parameter fizikal dan kimia persekitaran seperti suhu, saliniti, makanan serta parameter biologikal seperti persaingan dan pemangsa.

“Namun jabatan perikanan akan terus menjalankan pemantauan berkala dan kajian berkaitan spesis moluska ini daripada semasa ke semasa.

“Ini bagi memastikan perkara ini dalam kawalan dan memohon komuniti setempat dapat melaporkan perkara seumpama ini dengan kadar segera kepada jabatan bagi membolehkan tindakan awal diambil,” menurut JPNJ dalam satu kenyataan.

JPNJ memberitahu, pihaknya menerima maklum balas pengusaha-pengusaha industri pelancongan tempatan bahawa organisma berkenaan sudah tiada dan tidak lagi



PERIKAMAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Kepulauan Mersing bebas, selamat daripada serangan pteropoda

mengganggu aktiviti air di pulau-pulau. Menurut jabatan itu lagi, hasil pemerhatian juga mendapati aktiviti pelancongan kembali seperti sediakala.

“Susulan daripada notis Jabatan Perikanan Negeri Johor berkaitan dengan rebakan gastropoda yang dikenal pasti sebagai pteropoda (c) di perairan Mersing, Johor pada 3 Julai lalu, pihak kami bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Taman Laut Negara (PPTLN) bagi menjalankan pemantauan di beberapa pulau di perairan Mersing bagi mengesan kehadiran spesis itu,” jelas JPNJ

Aktiviti pemantauan itu kata JPNJ, dijalankan bermula dari 16 hingga 19 Julai lalu yang membabitkan aktiviti pemantauan di lapangan, tinjauan dan analisis makmal.

“Aktiviti pengecaman spesis berkenaan dijalankan di makmal Biosekuriti Perikanan JPNJ dan mendapati sampel air yang diambil daripada pulau terbabit menunjukkan ketidakhadiran spesis pteropoda,” katanya.

Pada 5 Julai lalu media melaporkan perairan Mersing diserang organisma akuatik berbahaya pteropoda, sejenis Zooplankton dan organisma akuatik berbahaya dan mempunyai sengat yang boleh memudaratkan manusia dikesan di Perairan Mersing.

Susulan itu orang ramai dinasihatkan menanggungkan aktiviti berkaitan air di perairan di sini selepas organisma akuatik berbahaya itu dikesan.

Kehadiran serangan gastropoda yang dikenal pasti sebagai pteropoda (*Creseus Acicula*) itu dikesan pasukan penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung pada 11 Jun lalu di perairan kepulauan Mersing.

Pteropoda adalah Zooplankton berasal dari perairan tropika dan subtropika. Perubahan iklim, peningkatan suhu air, dan air ‘ballast’ perkapalan dipercayai menjadi punca penyebaran spesis ini ke perairan Malaysia.

Moluska ini mempunyai sengat yang boleh menyebabkan keradangan, kegatalan, kekeringan, pengelupasan, kemerahan dan kulit bersisik. – MalaysiaGazette